

Headline	Emkay bangun enam projek bernilai RM3 bilion
MediaTitle	Utusan Malaysia
Date	16 Sep 2015
Section	Ekonomi
Page No	26
Language	Malay
Journalist	N/A
Frequency	Daily



Emkay bangun enam projek bernilai RM3 bilion

KUALA LUMPUR 15 Sept. - Emkay Group akan membangunkan enam projek dengan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM3 bilion dalam masa tiga tahun akan datang.

Ketua Pegawai Operasi Kewangan, Korporat dan Strategiknya, Jayasangaran Dhanapal berkata, pembangunan tersebut termasuklah projek bangunan Mercu Mustapha Kamal, dua projek pembangunan rumah mampu milik dan tiga projek pembangunan bercampur di Cyberjaya.

Katanya, pembangunan Mercu Mustapha Kamal yang merupakan bangunan keempat milik kumpulan yang dijangka siap sepenuhnya pada Mac tahun depan dijunur menyumbang perolehan sebanyak RM345 juta kepada syarikat pada tahun depan.

"Bagi Mercu Mustapha Kamal kami hanya menawarkan jualan unit bagi Menara 2 yang mempunyai ketinggian 14 tingkat, manakala Menara satu dengan ketinggian 27 tingkat hanya terbuka untuk

sewaan.

"Sehingga kini kami menerima respon yang baik daripada pembeli dan penyewa dan kami jangkaan untuk mendapat keputusan pada suku pertama tahun depan apabila bangunan ini siap nanti," katanya.

Beliau berkata demikian selepas sidang akbar mengenai Mercu Mustapha Kamal, pembangunan bangunan keempat miliknya dengan GDV RM385 juta di sini hari ini.

Sementara itu, beliau berkata, selain mempunyai bank tanah kira-kira 1.2 hektar di Damansara

Perdana, syarikat mempunyai bank tanah seluas 80.93 hektar di Cyberjaya yang 50 peratus daripadanya akan digunakan untuk pembangunan rumah mampu milik manakala selebihnya untuk pembangunan komersial.

Dhanapal berkata, syarikat akan membangunkan projek pembangunan rumah mampu milik di Cyberjaya dengan GDV sebanyak RM1.3 bilion yang dijangka dilancarkan pada suku pertama tahun depan.

Beliau berkata, kumpulan menyasarkan rumah terbabit akan dijual pada harga kurang daripada RM400,000 seunit.

"Selain projek kami, kumpulan juga telah melancarkan projek pembangunan rumah mampu milik di Cyberjaya pada September 2014 dengan GDV sebanyak RM300 juta.

"Pembangunan di bawah program Rumah Selangorku kini sudah mencatatkan kadar jualan sebanyak 75 peratus," katanya.



JAYASANGARAN DHANAPAL